

MPPG-UPM kaji teknologi biak buaya tembaga

JOHOR BAHRU 27 Sept. - Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjalankan penyelidikan tentang teknologi pembiakan buaya tembaga bagi menangani masalah kepupusan spesies berkenaan di negara ini.

Ketua Penyelidik Fakulti Perubatan Veterinar UPM, Prof. Dr. Abd. Wahid Haron berkata, kajian yang dijalankan sejak November tahun lalu itu dilakukan di Santuari Buaya Tembaga (Sarang Buaya) di Tanjung Langsat, di sini dengan melibatkan pengumpulan data dan kajian kualiti sperma daripada empat ekor buaya tembaga jantan.

Beliau berkata, kajian yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak itu semakin membuahkan hasil apabila berjaya menghasilkan dua ekor anak buaya spesies berkenaan dengan menjadikan jumlah keseluruhan buaya di taman berkenaan sebanyak 110 ekor.

"Kajian mengenai teknologi pembiakan berkenaan adalah yang pertama di negara ini dan kedua di dunia. Hasilnya boleh dijadikan rujukan oleh para penyelidik di selu-

ruh dunia.

"Hasil kajian ini juga berpotensi menyelamatkan induk betina berikutan buaya jantan yang ganas dalam proses pembiakan sehingga menyebabkan kebanyakan buaya betina mati ketika proses berke-naan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penghargaan kerjasama penyelidikan MPPG bersama Fakulti Perubatan Veterinar UPM dan menandatangani hasil kajian buaya tembaga, di sini hari ini.

Yang turut hadir Yang Dipertua MPPG, Md. Za'Nal Misran dan Pengurus Sarang Buaya, Abdul Malek Ab. Aziz serta barisan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Sarang Buaya yang dibangunkan di kawasan hutan paya bakau berhampiran Pelabuhan Tanjung Langsat, Pasir Gudang dengan keluasan 3.237 hektar itu mula didirikan pada 2008.

Perbelanjaan bagi santuari yang menempatkan buaya tembaga pelbagai saiz dan warna itu menelan kos sebanyak RM4 juta dan mula dibuka kepada orang awam sejak Februari 2009.